

Sambutan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Terengganu menggalakkan

Oleh [Zatul Iffah Zolkipli](#) - Jun 3, 2022 @ 7:33pm
zatuliffah@hmetro.com.my

KUALA NERUS: Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) yang diadakan di Terengganu selama tiga hari bermula semalam mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan masyarakat setempat.

Menteri Kanan Pendidikan Datuk Dr Radzi Jidin, berkata ia dibuktikan dengan kedatangan ribuan pengunjung yang berada di setiap acara JAKM yang diadakan di Pekarangan Kompleks Sukan Negeri Terengganu di sini.

Sebagai kementerian yang menerajui siri JAKM di Terengganu, beliau berpuas hati dengan sambutan yang diterima daripada penduduk termasuk ketika segmen #tanyaDRJ di booth Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

"Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program ini dan pagi tadi, kita berbasikal sejauh 25 kilometer bersama kira-kira 800 penduduk setempat.

"Hari ini, kita berada di gerai KPM untuk majlis penyampaian peranti kepada beberapa penerima sumbangan Yayasan Didik Negara dan sumbangan Terengganu Incorporated selain turut membuka ruang kepada masyarakat untuk bertanya soalan ketika segmen #tanyaDRJ.

"Alhamdulillah, sambutan secara keseluruhannya amat baik, Insya-Allah esok kita akan bersama dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan kita menjangkakan kedatangan lebih ramai pengunjung," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas segmen #tanyaDRJ di gerai KPM di JAKM Terengganu di Kompleks Sukan Negeri, di sini hari ini.

JAKM yang dicetuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob adalah kesinambungan daripada kejayaan program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 9 hingga 12 Disember lalu.



Radzi (kiri) beramah mesra bersama pelajar selepas program sesi #tanya DRJ di reruai Kementerian Pendidikan (KPM) sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Kompleks Sukan Negeri Terengganu. - Foto NSTP/Ghazali Kori